



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI PERLIS**

Tingkat 3, Bangunan Persekutuan  
Persiaran Jubli Emas  
01000 Kangar  
PERLIS

Telefon : 04-9762766/9762735  
04-9762657/9762744  
Faks : 04-9762668  
Laman Web : <http://portalpp.anm.gov.my/perlis>

Ruj. Kami : ANM.Ps(A) 0050 (48)  
Tarikh : 20 Januari 2023

Pusat Tanggungjawab (PTJ)  
Negeri Perlis

Tuan/Puan

**PENGHANTARAN SIJIL PENGESAHAN BAKI VOT, TERIMAAN, DEPOSIT DAN AMANAH BAGI TAHUN 2023**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara diatas.

2. Sukacita dimaklumkan semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) adalah diminta mengemukakan Sijil Pengesahan Baki selaras dengan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) seperti berikut :

- 2.1 Terimaan - SPANM Bilangan 3 Tahun 2019(Kemaskini 24 Jun 2022)
- 2.2 Deposit - SPANM Bilangan 4 Tahun 2019
- 2.3 Vot - SPANM Bilangan 7 Tahun 2018(Kemaskini 24 Jun 2022)
- 2.4 Amanah - SPANM Bilangan 4 Tahun 2021

3. Menurut Surat Pekeliling berkenaan, Sijil Pengesahan Baki hendaklah dihantar ke JANM Perlis selewat-lewatnya pada **14 haribulan bulan berikutnya**. Kegagalan berbuat demikian adalah disifatkan sebagai ketidakpatuhan jabatan tuan/puan kepada SPANM dan PTJ tuan akan dikeluarkan surat peringatan.

4. Kerjasama dan perhatian tuan/puan adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"**

Saya yang menjalankan amanah,

( DATIN SALWANI BINTI RAHMAT (C.A (M) )  
Pengarah  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Negeri Perlis